

Isnin, Jan 22 2018

SYARIKAT BESAR TIPU GST

Kastam patut audit lapangan lebih kerap

➔ Kuat kuasa
akta secara
menyeluruh
elak tipu cukai

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (kastam) disaran melaksanakan secara kerap audit lapangan bagi menjejaki lebih banyak syarikat besar yang sengaja menipu dan meraih keuntungan terhadap pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia, Datuk Abd Aziz Abu Bakar, berkata agensi itu perlu menjadikan 2018, tahun menguatkuasakan Akta GST secara menyeluruh meliputi aspek siasatan, tindakan dan pendakwaan.

Beliau akui, sejak GST dilaksa-

nakan pada April 2015, kastam lebih mengutamakan usaha memberi kefahaman kepada syarikat perniagaan mengenai keperluan mematuhi pelaksanaan GST.

"Saya kira mulai tahun ini, fokus mesti berubah kepada era penguatkuasaan dan tindakan. Jika kita terus memberi tempoh kepada syarikat, negara akan terus kehilangan berjuta, malah bilion ringgit disebabkan tindakan oleh syarikat-syarikat ini," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri T Subromaniam, memaklumkan pihaknya membuka sebanyak 5,000 kertas siasatan bagi mendakwa syarikat yang melanggar Akta GST sejak diperkenalkan 1 April 2015.

Syarikat sengaja menipu

Abdul Aziz bersetuju dengan Subromaniam, bahawa syarikat besar ini memang memiliki sistem perakaunan yang sistematik dan teratur, sudah pasti aspek pematuhan GST ini tidak menjadi masalah kepada mereka.

"Menjadi masalah adalah mereka sengaja menipu. Contohnya,



Fokus mesti berubah kepada era penguatkuasaan dan tindakan. Jika kita terus memberi tempoh kepada syarikat, negara akan terus kehilangan berjuta, malah bilion ringgit"

Abd Aziz Abu Bakar,
Presiden Persatuan Akauntan
Percukaian Malaysia



Keratan akhbar
BH semalam.

syarikat itu sudah mendaftar GST, tapi hanya membuat tuntutan terhadap input tax berbanding output tax setiap bulan.

"Di sini sahaja, kastam sudah boleh meragui dan menghidu kemungkinan wujud unsur penipuan terhadap syarikat terbabit.

"Sebab itu sejak 2015, kastam walaupun memberi kelonggaran kepada syarikat, pada masa sama mereka melakukan pemantauan secara langsung bagi melihat trend dan budaya syarikat tertentu ini," katanya.

Katanya, dari situ, kastam dapat membuat hipotesis awal dengan mengelaskan sesebuah syarikat itu dalam kelompok berisiko tinggi untuk menipu atau sebaliknya.

"Jika sudah dikenal pasti mereka berisiko tinggi, maka siasatan perlu disusuli, jika wujud pelanggaran kepada Akta GST, mereka harus membayar nilai yang sepatutnya dibayar atau berdepan tindakan undang-undang," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kastam perlu tingkatkan keupayaan anggotanya untuk siasatan dan pemantauan di seluruh peringkat.

Katanya, jika pemantauan ini dilaksanakan secara agresif, pengguna akhirnya akan mula mendapat manfaat daripada cukai yang dibayar mereka.

Sementara itu, Profesor Kanan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Datuk Dr Shazali Abu Mansor, berkata tindakan kastam memantau syarikat besar berbanding kecil adalah lebih signifikan, terutama dari segi mendapatkan pulangan cukai kepada kerajaan.

Amaun cukai

Katanya, amaun cukai yang perlu dijelaskan syarikat besar ini lebih banyak berbanding yang sederhana atau kecil, sudah pasti ia membawa impak berbeza dari segi pendapatan kepada kerajaan.

"Bukan bermakna syarikat kecil ini tidak dipantau langsung, namun keperluan masa ini sebaiknya berfokus kepada syarikat besar yang cuba mengaut keuntungan lebih tinggi dengan membuat tuntutan palsu kepada kerajaan, pada masa sama cuba elak membayar cukai," katanya.